

07/01/1997

Larangan bina semula rumah di tepi sungai

KENINGAU, Isnin - Kerajaan negeri tidak akan membenarkan pembinaan semula rumah di sepanjang Sungai Pampang dan beberapa sungai yang dikenal pasti berbahaya di sini, sebagai mematuhi arahan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, Sabtu lalu.

Timbalan Ketua Menteri, Datuk Seri Panglima Joseph Kurup, berkata kerajaan negeri tidak akan berkompromi dalam hal itu kerana tidak mahu tragedi 26 Disember lalu, berulang semula.

Sehubungan itu, katanya, dua kawasan khas tidak jauh dari Kampung Limbawan, dikenal pasti oleh kerajaan negeri untuk dijadikan tapak menempatkan penduduk tempatan yang terjejas dengan ribut berkenaan.

Katanya, bagi rakyat asing pula mereka akan juga ditempatkan di kawasan lain yang sedang dikenal pasti oleh Pejabat Daerah Keningau.

"Yang pasti, kerajaan tidak akan membenarkan pembinaan semula rumah di sepanjang Sungai Pampang kerana ia dikenal pasti tidak selamat. Kita akan bertegas dalam hal ini," katanya kepada Berita Harian, di sini hari ini.

Sebelum itu, Kurup menerima sumbangan RM50,000 daripada Kerajaan Indonesia untuk membantu mangsa tragedi itu yang disampaikan oleh Gabenor Sulawesi Selatan, Zainal Basir Palaguna, di sini.

Zainal Basir turut menyerahkan sumbangan RM30,000 kepada mangsa tragedi dari kalangan rakyat Indonesia yang kini ditempatkan di pusat pemindahan sementara di Kompleks Sukan Keningau, di sini.

Sabtu lalu, Dr Mahathir meninjau daerah Keningau, kawasan paling teruk dilanda bencana itu dan mengarahkan kerajaan negeri supaya jangan membenarkan pembinaan rumah di tebing sungai yang berbahaya.

(END)